



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERIKSA KAWALAN KEMAJUAN (D.2-3 EB.4-5)  
AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMERIKSA KAWALAN KEMAJUAN  
AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
D.2-3 EB.4-5 (\$650 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus sekurang-kurangnya satu (01) Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei- Cambridge* Peringkat Lanjutan (*'A' Level*) atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai Lesen Memandu kelas tiga (03) yang sah (tidak mansuh).

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menerima arahan pemeriksaan ke tapak aduan dari pegawai atasan;
2. Mengenal pasti dan menyediakan maklumat tapak aduan yang akan diperiksa menggunakan sistem *geoportal* dan *wikimapia*;
3. Membuat pemeriksaan ke atas aduan yang diterima (tapak bina, kerja tanah, papan-papan iklan) dan juga pemeriksaan berancang;



4. Membuat kenyataan tapak yang telah diperiksa;
5. Menghantar surat-surat teguran dan amaran;
6. Menerima kerja-kerja yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dari semasa ke semasa;
7. Mengambil *statement* aduan dan merekodkan ke dalam sistem *Filemaker*; dan
8. Membuat pemeriksaan ke tapak aduan selepas waktu bekerja dan pada hari-hari kelepasan awam.